

# Badan seni pertahanan diri kebangsaan disyor

*5*  
*pencak silat - 2 MAY 1979*  
PESURUHJAYA Tinggi Singapura ke India, Haji Ya'acob Mohamad, telah menekankan peri perlunya ditubuhkan sebuah badan seni pertahanan diri kebangsaan dengan menggabungkan kesemua jenis kesenian itu yang terdapat di sini.

Badan kebangsaan seumpama ini, katanya, dapat memainkan peranan yang sangat berkesan untuk perkembangan dan kemajuan semua jenis seni pertahanan diri di Singapura.

Haji Ya'acob, yang juga Anggota Parlimen Kampong Ubi, berkata demikian semasa beru-

cap di mesyuarat agung Persekutuan Silat Singapura (Persisi) di Balai Rakyat Eunos Crescent semalam.

Banyak faedah yang akan didapati sekiranya dapat ditubuhkan badan yang menggabungkan seni silat, tae kwon do, karate, kung fu dan sebagainya.

## Pertemuan

Haji Ya'acob kemudian memberikan jaminan bahawa beliau akan mengusahakan penubuhan badan itu seberapa daya.

Katanya: "Saya akan mengadakan pertemuan di kalangan berbagai jenis pertubuhan seni

pertahanan diri dan membincangkan perkara ini.

"Tetapi, sejauh ini, ia masih berada di peringkat perbincangan dan diharapkan satu hari nanti ia akan menjadi kenyataan," tegas Haji Ya'acob lagi.

Haji Ya'acob juga mengemukakan bahawa usaha-usaha akan digiatkan untuk menerbitkan sebuah buku seni silat yang lengkap dengan unsur-unsur ilmu yang berkesan.

Katanya, kerjasama dari pakar-pakar seni silat Indonesia, Malaysia dan Brunei akan juga didapatkan untuk memastikan buku silat ini diterbitkan dengan mutu yang tinggi.

Dengan adanya kerjasama dari pakar-pakar ini, bahan-

bahan yang terperinci mengenai sejarah dan ketangkasan silat akan dapat dikumpulkan dengan baik.

Sebuah jawatankuasa kemudian akan ditubuhkan untuk meneliti semua hasil kajian yang dikumpulkan itu dan ditapis lagi sebelum sampai ke peringkat penerbitan.

## *- 2 MAY 1979* Kajian

Menurut Haji Ya'acob, buku ini perlu dihasilkan sebaik-baiknya supaya ia dapat mewakili seni silat Melayu dengan lengkap dan kemungkinan selanjutnya ia dialihbahasakan ke lain-lain bahasa di dunia untuk pembacaan di peringkat antarabangsa.

# 3 tanggungjawab penting Persisi

*✓ - 3 MAY 1979 pencak silat*

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) telah menjadikan rancangan penerbitan buku mengenai seni silat Melayu, penerusan silat tiga negara dan penubuhan Federasi Silat Asean sebagai tiga tanggungjawabnya yang paling penting sekali.

## Pemilihan

Keputusan dan persetujuan ini dicapai dalam mesyuarat agungnya yang ketiga kemarin di mana Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke India yang juga Anggota Parlimen Kampong Ubi telah dipilih sekali lagi sebagai presidennya.

Timbalan presiden ialah Encik Sidek Saniff dan naib presiden pula ialah Encik Rahim Dayan.

Mesyuarat itu juga memutuskan pemilihan Encik Johari Uriff selaku Setiausaha Agung

dan penolongnya, Encik Ariff Haji Zahari. Bendahari ialah Encik Jaafar Haji Yaacob dan penolong bendahari pula ialah Encik Ismaon Haji Ali.

Di samping itu, tujuh orang anggota jawatankuasa juga dipilih. Mereka terdiri dari Mohd. Seain Madsom, A. Rahman Ismail, Rosnani Keenan, Foad Md. Shah, Karim Maidin, Salman Simen dan M. Rafie Burmawee.

Perbincangan mesyuarat agung kali ini dilaporkan berjalan dengan licin dan teratur tetapi tidak banyak usul-usul baru yang penting yang dikemukakan sepanjang mesyuarat tersebut.

Encik Johari Uriff telah menarik perhatian bahawa sejak penubuhannya tiga tahun yang lalu, Persisi telah mencapai banyak kejayaan, terutama

sekali dalam mengembangkan cabang seni silat dan kepelbagaiannya di Singapura.

Ini jelas sekali, katanya, melihatkan betapa hari ini terdapat banyak jenis silat di Singapura berbanding dengan hanya kira-kira enam jenis saja beberapa tahun yang lalu.

Dia juga menegaskan bahawa kebebasan dan jaminan haki untuk sesebuah silat serta guru mereka adalah terjamin.

## Taat setia

Kesemua para pegawai Persisi yang terpilih dalam Jawatankuasa Pentadbir 1979/81 itu telah dinasihatkan oleh Haji Yaacob supaya taat setia dalam menjalankan tugas mereka dan menyeru Persisi supaya mengambil sikap 'diam-diam ubi berisi' dan bukannya kerap berkokok-kokok dalam satu-satu hal.